

Anugerah Pentadbiran Cemerlang - Pahang 1st



Kuantan, 30 Disember 2022 - Jabatan Mufti Negeri Pahang telah diumumkan sebagai pemenang Gangsa, Anugerah Pentadbiran Cemerlang (Sektor Perkhidmatan) Sempena Majlis Anugerah Pahang 1st Tahun 2022 yang berlangsung di Dewan Bandaraya, Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) pada 29 Disember 2022.

Anugerah berprestij ini merupakan satu pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri kepada organisasi kerajaan meliputi jabatan, agensi, badan berkanun negeri dan pihak berkuasa tempatan yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam penyampaian perkhidmatan dan mempamerkan produktiviti serta kualiti pada tahap yang tinggi.

Pihak jabatan telah membawa pulang trofi, sijil dan wang tunai RM1,000.00.

Semoga ia memberikan dorongan agar Jabatan ini dapat meningkatkan kecemerlangan ke peringkat yang lebih tinggi.